



**JABATAN TENAGA MANUSIA**

**GARIS PANDUAN**  
**PERTANDINGAN**  
**KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC)**  
**2024**



# GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024

## JABATAN TENAGA MANUSIA

---

ISI KANDUNGAN	MS
1 PENGENALAN	1
2 OBJEKTIF	1
3 TARIKH DAN LOKASI PERTANDINGAN	2
4 PENYERTAAN	3
5 TERMA DAN SYARAT	4
6 TATACARA PENDAFTARAN	5
7 BAYARAN PERTANDINGAN	6
8 PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN DOKUMEN PROJEK	6
9 PAMERAN DAN PEMBENTANGAN PROJEK	9
10 KRITERIA PENILAIAN	11
11 PENGIKTIRAFAN, PENGANUGERAHAN DAN HADIAH	13
12 SALURAN KOMUNIKASI	15
SENARAI LAMPIRAN	16
Lampiran 1: Laporan Projek Inovasi	17
Lampiran 2: Carta Alir CITEC 2024	18

---



# GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA

---

## 1 PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada para peserta yang akan menyertai Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CITEC) anjuran Jabatan Tenaga Manusia (JTM) tahun 2024.
- 1.2 Tema bagi Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CITEC) JTM 2024 ialah **Kelestarian Inovasi, Teras Kemajuan TVET Madani.**

## 2 OBJEKTIF

- 2.1 Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CITEC) JTM 2024 ini diadakan bagi memilih projek yang berpotensi untuk diketengahkan dan dicalonkan ke pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, pertandingan ini diadakan berdasarkan objektif-objektif berikut:
  - i. Membudayakan inovasi mesra pengguna berkaitan *Environmental, Social and Governance* (ESG) dan Teknologi Hijau melalui galakkan terhadap pengembangan pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan warga JTM;
  - ii. Menyediakan platform saringan yang menilai kesediaan projek inovasi berkonsepkan *Environmental, Social and Governance* (ESG) dan Teknologi Hijau berdasarkan *novelty* serta nilai komersial;
  - iii. Memperkembangkan potensi, kemahiran dan kebolehan penciptaan dikalangan pengajar dan pelajar dalam membuat kajian terkini;
  - iv. Meningkatkan kemahiran komunikasi dan kemahiran sosial dalam proses pembangunan projek; dan.
  - v. Mempromosi dan memartabatkan JTM melalui penyertaan pertandingan berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seterusnya.



## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA

### 3 TARIKH DAN LOKASI PERTANDINGAN

3.1 Tarikh dan lokasi CITEC 2024 adalah seperti berikut:

- i. Tarikh Pertandingan : 6 - 7 Mac 2024
- ii. Tempat Pertandingan : ADTEC Melaka
- iii. Penganjur Pertandingan : ADTEC Melaka

3.2 Tarikh pelaksanaan CITEC 2024 adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Tarikh Pelaksanaan CITEC 2024**

BIL.	TARIKH	AKTIVITI
1.	01 - 30 Disember 2023	Pendaftaran CITEC 2024 secara dalam talian.
2.	8 Januari 2024	Makluman projek yang berjaya didaftarkan ke CITEC 2024
3.	8 - 30 Januari 2024	Pembayaran yuran penyertaan bagi yang layak
4.	8 - 30 Januari 2024	Tarikh penghantaran poster, laporan & video
5.	13 - 15 Februari 2024	Penilaian Pra Kelayakan CITEC 2024
6.	20 Februari 2024	Pemakluman keputusan projek yang berjaya ke peringkat akhir CITEC 2024
7.	05 Mac 2024 (10.00am - 5.00pm)	Pendaftaran peserta dan persiapan tempat
8.	06 Mac 2024 (9.00am - 5.00pm)	Pertandingan CITEC 2024 - Dewan Serbaguna ADTEC Melaka. Pertandingan CITEC Junior 2024 - Dewan Serbaguna ADTEC Melaka.
9.	07 Mac 2024 (10.00am - 12.00pm)	Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah CITEC 2024 - Dewan Kuliah Utama ADTEC Melaka



## **4 PENYERTAAN**

4.1 CITEC 2024 dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:

i. **Kategori Pengajian Tinggi**

Penyertaan adalah terbuka kepada staf dan pelajar dari Institut Latihan Tenaga Manusia (ILJTM), Institut Latihan Kemahiran Awam dan swasta serta Institut Pengajian Tinggi Awam dan swasta serta agensi berkaitan.

ii. **Kategori Sekolah**

Penyertaan adalah terbuka kepada Sekolah Menengah Awam dan swasta dan Sekolah Rendah awam dan swasta.

4.2 Pelaksanaan Pertandingan Kreativiti & Inovasi (CITEC) JTM 2024 ini akan dibuat secara berperingkat iaitu Peringkat Pra Kelayakan dan Peringkat Akhir seperti berikut:

**Jadual 2: Pelaksanaan CITEC 2024**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>AKTIVITI</b>
1.	Peringkat Pra Kelayakan - berdasarkan dokumen yang dihantar.	Pada peringkat Pra Kelayakan, semua peserta yang berdaftar akan menghantar softcopy laporan projek, poster pertandingan dan pautan video projek untuk pemilihan ke peringkat akhir berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
2.	Peringkat Akhir - secara bersemuka di ADTEC Melaka	Projek yang layak di peringkat Pra Kelayakan akan bertanding di peringkat akhir secara bersemuka di ADTEC Melaka.

4.3 Projek yang dihantar perlulah mencapai memenuhi **SALAH SATU** daripada kriteria berikut:

i Produk yang telah lengkap dibangunkan dan boleh dikomersialkan (Commercialised Product);



## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA

---

- ii Produk disahkan dimakmal (Final Lab-scaled);
- iii Produk diperingkat prototaip (Prototyped/model); dan
- iv Bukti konsep eksperimental (Proof of Concept/plan/photo).

4.4 Terdapat enam (6) bidang yang ditetapkan dalam pertandingan CITEC 2024 dan peserta perlu memilih **SATU (1)** bidang penyertaan sahaja berdasarkan inovasi yang ingin dipertandingkan. Bidang-bidang tersebut ialah:

- i Bidang A; Mekanikal
- ii Bidang B; Elektrik dan Elektronik
- iii Bidang C; Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi
- iv Bidang D; Sivil dan Bangunan
- v Bidang E; Teknologi Awam, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
- vi Bidang F; Teknologi Makanan

4.5 Setiap kumpulan akan dihadkan kepada **empat (4) orang peserta** sahaja termasuk pengajar dan pelajar.

## 5 TERMA DAN SYARAT

5.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan JTM, IPTA/ IPTS/ ILKA/ ILKS/ agensi serta sekolah yang telah menghasilkan reka cipta dan inovasi secara individu atau berkumpulan.

5.2 Hasil karya yang dikemukakan perlulah dibuktikan keasliannya, dan tiada unsur-unsur plagiat daripada semua aspek.

5.3 Urus setia berhak menerima dan menolak penyertaan yang didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.



## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA

---

- 5.4 Urus setia juga berhak untuk membuat pertukaran bidang yang dipertandingkan sekiranya mendapati bidang yang didaftarkan oleh pemohon didapati kurang sesuai atau tidak relevan. Peserta akan dimaklumkan sekiranya urus setia membuat sebarang pindaan terhadap penyertaan peserta.
- 5.5 Bagi penyertaan dari ILJTM, projek inovasi yang dihantar perlu merupakan yang terkini dan belum pernah dipertandingkan dalam sebarang pertandingan ITEX sebelum ini. Jika projek telah sebelumnya dipertandingkan dalam ITEX, projek yang dikemukakan untuk CITEC 2024 mesti telah mengalami pengubahsuaian atau penambahbaikan untuk meningkatkan inovasi tersebut.

## 6 TATACARA PENDAFTARAN

- 6.1 Pendaftaran penyertaan akan dibuka bermula **1 – 30 Disember 2023**. Pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian di pautan yang disediakan. [apps2.jtm.gov.my/CITEC/](https://apps2.jtm.gov.my/CITEC/)
- 6.2 Setiap penyertaan mestilah mendapat persetujuan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi institusi masing-masing.
- 6.3 Peserta diminta untuk memastikan butiran pendaftaran adalah tepat. Nama yang tertera pada sijil penyertaan adalah berdasarkan kepada maklumat yang dikemukakan di dalam borang pendaftaran.
- 6.4 Peserta **TIDAK DIBENARKAN** membuat sebarang penambahan atau perubahan nama ahli kumpulan, tajuk dan bidang selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 6.5 Tarikh tutup pendaftaran penyertaan adalah pada **30 Disember 2023** jam 12.00 tengah malam. Urus setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang diterima lewat.



## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA

### 7 BAYARAN PERTANDINGAN

7.1 Bayaran penyertaan CITEC 2024 adalah mengikut kategori seperti berikut:

**Jadual 3: Bayaran Yuran**

Bil	Agensi	Yuran
1	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	RM150.00
2	Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta Lain-lain Agensi	RM200.00
3	Sekolah Menengah Awam dan Swasta Sekolah Rendah Awam dan Swasta	RM150.00

7.2 Bayaran penyertaan CITEC 2024, boleh dibuat dengan menggunakan **wang pos, bank draft, cek, kiriman wang dan wang tunai**. Bayaran boleh dibuat kepada:

**Pengarah ADTEC Melaka.**

7.3 Kos penginapan, makan minum, pengangkutan dan lain lain keperluan untuk menyertai pertandingan ini adalah dibawah tanggungan organisasi masing-masing.

### 8 PENYEDIAAN DAN PENGHANTARAN DOKUMEN PROJEK

8.1 Bagi **Peringkat Pra Kelayakan** dokumen yang wajib dimuat naik ke dalam pautan untuk penilaian adalah seperti berikut:

- i Laporan Projek;
- ii Poster; dan
- iii Video (Pautan video).





## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA

---

- 8.2 Dokumen tersebut boleh diserahkan kepada urusetia melalui pautan yang diberikan bermula pada **8 - 30 Januari 2024**. Kegagalan untuk menghantar dokumen tersebut boleh menyebabkan penyertaan ditolak.
- 8.3 Panduan bagi penyediaan **Laporan Projek** adalah seperti berikut:
- 8.3.1 Laporan boleh disediakan dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris** dengan menggunakan **kertas bersaiz A4 dan tulisan jenis Arial, bersaiz 12pt dengan jarak baris 1.5 dan alignment justify**.
  - 8.3.2 Laporan projek adalah tidak melebihi 15 muka surat (tidak termasuk rujukan dan lampiran) dengan margin kiri, kanan, atas dan bawah sekurang-kurangnya 1 inci (2.54 cm).
  - 8.3.3 Laporan projek hendaklah penulisan asli oleh peserta dan tiada bahagian yang diplagiat daripada mana-mana penulisan lain.
  - 8.3.4 Semua bahan yang diambil daripada sumber luar, perlu dinyatakan sumber rujukan di mana ia diperolehi dan dinyatakan dalam penulisan menggunakan **format APA edisi ke-7 ataupun format IEEE**.
  - 8.3.5 Semua ilustrasi seperti gambar, gambar rajah dan foto serta data yang diringkaskan dalam bentuk jadual atau carta perlu dilabel dengan sistematik dan dirujuk dalam penulisan.
  - 8.3.6 Halaman muka hadapan hendaklah mengandungi butiran seperti berikut:
    - i. Tajuk Projek
    - ii. Senarai Ahli Kumpulan
    - iii. Organisasi yang diwakili

- 8.3.7 Format isi kandungan laporan projek hendaklah menggunakan format yang telah disediakan seperti di **Lampiran 1**.
- 8.3.8 Fail yang perlu di muat naik ialah dalam format **PDF**. Fail perlu dinamakan berdasarkan nama projek inovasi. *Contoh:* Laporan-Mesin X.pdf
- 8.4 Panduan bagi rakaman **video** adalah seperti berikut:
- 8.4.1 Video boleh dibangunkan menggunakan sebarang aplikasi/perisian yang bersesuaian dengan menggunakan format **MP4**.
- 8.4.2 Persembahan video hendaklah jelas merangkumi pengenalan ahli kumpulan, pengenalan projek, rekabentuk, fungsi, dan potensi projek. Peserta daripada ILJTM digalakkan menggunakan Bahasa Inggeris semasa menyediakan video tersebut.
- 8.4.3 Rakaman video boleh disunting (*editing*) mengikut kreativiti peserta dan tidak melebihi 5 minit.
- 8.4.4 Rakaman video hendaklah dimuat naik ke dalam platform **Youtube** dan **pautannya** dikongsi di dalam borang penghantaran dokumen penyertaan bagi membolehkan panel juri menilainya semasa sesi penilaian.
- 8.5 Panduan bagi penyediaan **poster** adalah seperti berikut:
- 8.5.1 Poster boleh dibangunkan dengan menggunakan sebarang perisian/aplikasi yang bersesuaian.

- 8.5.2 Poster hendaklah jelas dan perlu mengandungi logo institusi, nama institusi dan nama projek.
- 8.5.3 Kaedah susunan dan reka bentuk poster adalah mengikut kreativiti setiap kumpulan dan perlu mengandungi sekurang-kurangnya TUJUH (7) elemen berikut:
- i. *Project Background;*
  - ii. *Schematic Diagram;*
  - iii. *Innovation;*
  - iv. *Market and Commercial Potential;*
  - v. *Project Photo;*
  - vi. *Environmental Friendliness; and*
  - vii. *Intellectual Property* (sekiranya ada).
- 8.5.4 Fail yang perlu di muat naik ialah dalam format **PDF** dan tidak melebihi 5MB. Fail perlu dinamakan berdasarkan nama projek inovasi. *Contoh: POSTER-Mesin X.pdf*
- 8.5.5 Peserta yang **layak ke peringkat** akhir perlu menyediakan **poster projek bersaiz A1 menegak (portrait)** untuk dipersembahkan dan dinilai juri/hakim semasa hari pertandingan.

## **9 PAMERAN DAN PEMBENTANGAN PROJEK**

- 9.1 **Penilaian peringkat Akhir** dilakukan melalui **Pembentangan Projek** secara bersemuka dan dijalankan seperti berikut:
- 9.1.1 Pembentangan projek inovasi adalah secara **besemuka** kepada juri/hakim pertandingan di Dewan Serbaguna ADTEC Melaka.

9.1.2 Pembentang perlu membuat pembentangan semasa sesi pembentangan dan memasukkan elemen-elemen di bawah:

- i. Pengenalan;
- ii. Objektif;
- iii. Metodologi;
- iv. Reka bentuk;
- v. Impak;
- vi. Implikasi Kewangan; dan
- vii. Kesimpulan.

9.1.3 Ketetapan masa pembentangan projek adalah seperti berikut:

**Jadual 4: Masa Pembentangan Peringkat Akhir**

<b>Bil</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MASA</b>
1	Sesi Pembentangan Projek	10 Minit
2	Sesi Soal Jawab bersama Juri/ Hakim Pertandingan	5 Minit

9.1.4 Sekiranya peserta terdiri daripada kalangan pelajar, hanya pelajar yang dibenarkan membuat pembentangan. Penyelia tidak dibenarkan membantu peserta semasa sesi tersebut.

9.1.5 Sesi pembentangan ini akan dibuat di tapak pameran dan setiap pasukan perlu mematuhi jadual giliran pembentangan yang telah ditetapkan.

9.2 Peserta yang layak ke peringkat akhir perlu membuat **pameran** projek di Dewan Serbaguna ADTEC Melaka sepanjang tempoh pertandingan CITEC 2024 berlangsung.

9.2.1 Pihak penganjur akan menyediakan ruang pameran lengkap dengan 1 unit meja dan 2 unit kerusi bagi setiap pasukan yang

menyertai pertandingan. Namun hiasan ruang pameran seperti lapik meja dan hiasan dinding adalah di bawah tanggungjawab/ urusan pasukan masing-masing.

- 9.2.2 Peserta perlu memastikan **projek** reka cipta/inovasi, **poster** dan **laporan projek** dalam bentuk cetakan *hard copy* berada ditempat pameran.
- 9.2.3 Peserta pertandingan perlu berada di tempat pameran sepanjang tempoh pertandingan seperti dalam aturcara program. Kegagalan peserta pertandingan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan penyertaan terbatal.
- 9.2.4 Kawalan keselamatan akan sentiasa berkuat kuasa sepanjang tempoh pertandingan. Namun pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kecurian dan kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau sebab sebab lain sepanjang tempoh pameran dan pertandingan.

## **10 KRITERIA PENILAIAN**

10.1 Penilaian ke atas projek inovasi yang bertanding dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan dan elemen pemarkahan yang akan digunakan adalah seperti berikut:

- i. Nilai *novelty* dan daya cipta (baru, unik, kreatif dan asli);
- ii. Kegunaan dan pengaplikasian (penyelesaian masalah dan sumbangan kepada industri);
- iii. Demonstrasi dan persembahan (kebolehan untuk demonstrasi pengetahuan, fungsi dan kesediaan projek);
- iv. Potensi komersial dan boleh dipasarkan (penyebaran pasaran, mampu milik dan jangka hayat pasaran produk); dan
- v. Ciri-ciri Amalan Hijau dan kelestarian.

10.2 Penilaian bagi Peringkat Pra Kelayakan adalah berdasarkan kepada tiga (3) kriteria utama seperti dalam Jadual 5 di bawah.

**Jadual 5 : Pembahagian Markah Peringkat Pra Kelayakan**

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA</b>	<b>MARKAH (%)</b>
1.	Laporan Projek	40
2.	Poster Projek	30
3.	Video Projek	30
	Jumlah	100

10.3 Pada peringkat Pra Kelayakan, hakim pertandingan akan membuat penilaian bagi memilih peserta yang layak ke Peringkat Akhir.

10.4 Penilaian bagi Peringkat Akhir adalah berdasarkan kepada tujuh (7) kriteria utama seperti dalam Jadual 6 di bawah:

**Jadual 6 : Pembahagian Markah Peringkat Akhir**

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA</b>	<b>MARKAH (%)</b>
1.	Laporan Projek	10
2.	Poster Projek	10
3.	Keaslian dan Kreativiti	15
4.	Potensi Kebolegunaan / aplikasi	15
5.	Kualiti dan impak	20
6.	Potensi komersial	15
7.	Persembahan dan Penyampaian	15
	Jumlah	100

10.5 Penilaian bagi projek yang bertanding akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik dalam kalangan:

- i. Ahli Jawatankuasa Pengiktirafan dan Penilaian Harta Intelektual (JTM);
- ii. Pakar Bidang; dan/atau
- iii. Panel industri.

10.6 Keputusan panel penilai adalah **muktamad**. Sebarang rayuan terhadap keputusan panel penilai tidak akan dipertimbangkan.

## **11 PENGIKTIRAFAN, PENGANUGERAHAN DAN HADIAH**

11.1 Penentuan pingat akan diberikan berdasarkan keputusan oleh panel penilai berdasarkan Jadual 7 seperti berikut:

**Jadual 7: Penentuan Pingat**

<b>KRITERIA</b>	<b>ANUGERAH</b>
90% - 100%	Platinum
80%-89.9%	Emas
65%-79.9%	Perak
50%-64.9%	Gangsa
<50%	Sijil Penyertaan

11.2 Hadiah akan diberikan kepada pemenang mengikut pingat yang diperolehi seperti berikut:

**Jadual 8.1: Hadiah (Pingat)**

BIL	PERKARA	HADIAH
1	Projek yang mendapat pingat Platinum	Pingat + Sijil Penyertaan + Sijil Pingat Platinum
2	Projek yang mendapat pingat Emas	Pingat + Sijil Penyertaan + Sijil Pingat Emas
3	Projek yang mendapat pingat Perak	Pingat + Sijil Penyertaan + Sijil Pingat Perak
4	Projek yang mendapat pingat Gangsa	Pingat + Sijil Penyertaan + Sijil Pingat Gangsa
5	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan
6	Poster terbaik	RM200.00 + Sijil

**Jadual 8.2: Hadiah (Markah Tertinggi)**

PERKARA	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	JUARA KESELURUHAN
Projek yang mendapat markah tertinggi bagi setiap bidang: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mekanikal</li> <li>• Elektrik dan Elektronik</li> <li>• Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi</li> <li>• Sivill dan Bangunan</li> <li>• Teknologi Awam, Alam Sekitar &amp; Teknologi Hijau</li> <li>• Teknologi Makanan</li> </ul>	RM500.00 + Sijil Tempat Pertama (Setiap kategori)	RM300.00 + Sijil Tempat Kedua (Setiap kategori)	RM150.00 + Sijil Tempat Ketiga (Setiap kategori)	RM2,000.00 + sijil

**Jadual 8.3: Hadiah (CITEC Junior)**

BIL	PERKARA	HADIAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• CITEC Junior - Pertama (Sek Men)</li> <li>• CITEC Junior - Kedua (Sek Men)</li> <li>• CITEC Junior - Ketiga (Sek Men)</li> </ul>	RM300.00 + Sijil RM200.00 + Sijil RM150.00 + Sijil
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• CITEC Junior - Pertama (Sek Ren)</li> <li>• CITEC Junior - Kedua (Sek Ren)</li> <li>• CITEC Junior - Ketiga (Sek Ren)</li> </ul>	RM300.00 + Sijil RM200.00 + Sijil RM150.00 + Sijil





## **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC) 2024 JABATAN TENAGA MANUSIA**

---

11.3 Keputusan panel penilai adalah muktamad. Sebarang rayuan terhadap keputusan panel penilai tidak akan dipertimbangkan.

### **12 SALURAN KOMUNIKASI**

12.1 Sebarang maklumat lanjut berkaitan pertandingan ini akan dipaparkan dilaman web ADTEC Melaka.

12.2 Sekiranya ada pertanyaan, boleh hubungi pihak urus setia CITEC 2024, Tengku Zunida Binti Tengku Yahya Shah (Tel: 013-3970318 atau menerusi e-mail: [tg.zunida@jtm.gov.my](mailto:tg.zunida@jtm.gov.my)), Dr. Fazlul Rahman Bin Mohd Yunus (Tel: 06-5527227 ext 141, 019-3104158 atau e-mail : [fazlul@jtm.gov.my](mailto:fazlul@jtm.gov.my)) .



# **SENARAI LAMPIRAN**




## **LAMPIRAN 1: LAPORAN PROJEK INOVASI**

### **ISI KANDUNGAN LAPORAN PROJEK INOVASI**

1. Ringkasan / *Summary*
2. Pengenalan / *Introduction*
3. Penerangan tentang kerja / *Description of the work*
4. Keaslian dan kreativiti / *Novelty and creativity*
5. Penggunaan produk akhir / *Deployment of end product*
6. Pertimbangan reka bentuk sosial, kemampanan dan ekonomi / *Social, sustainability and economic design considerations*
7. Perkaitan dengan tema semasa / *Relevance to the current theme*
8. Kesimpulan / *Conclusion*
9. Rujukan / *References*
10. Lampiran / *Appendix*

## LAMPIRAN 2: CARTA ALIR CITEC 2024

**CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN DAN PENYERTAAN CITEC 2024**  
Kategori: Agensi Awam/Swasta, IPTA, IPTS, ILKA, ILKS, Sekolah Rendah/Menengah



1/2

## CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN DAN PENYERTAAN CITEC 2024

Kategori: Agensi Awam/Swasta, IPTA, IPTS, ILKA, ILKS, Sekolah Rendah/Menengah

